

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Dear Customer,
This Product Disclosure Sheet (PDS) provides you with key information on your GX Debit Card ("**GX Card**"). Other customers have read this PDS and found it helpful; you should read it too.

GX Bank Berhad ("**GXBank**")



As of 30 December 2025

1. What is a GX Card?

GX Card is a payment instrument linked to your GX Account ("**Designated Account**") for purchases at physical stores and online, both locally and overseas. It also enables cash withdrawals from local and overseas ATMs. You must maintain sufficient funds in the main account of your Designated Account to perform transactions using your GX Card. If you close your GX Account, your GX Card will be automatically cancelled.

When using the GX Card at retail merchants in Malaysia, merchants may choose to accept and process the payment made using the GX Card through either MyDebit or Mastercard network. Please note that the choice of network is at the discretion of the merchant, and you will not be able to request the merchant to change their selected network.

2. Know Your Obligations

As a GX Card holder, you must:

- abide by the GXBank's Terms and Conditions Governing Retail Banking Products and Services.
- take reasonable steps to keep your GX Card and its details as well as card personal identification number ("**PIN**") secure at all times. These include:
 - not to disclose your GX Card details and card PIN to any person;
 - not to keep a record of the card PIN in a manner that is easily recognisable and accessible to any other person; and
 - not to allow anyone to use your GX Card.
- notify us as soon as reasonably practicable upon discovering the loss or unauthorised use of your GX Card.
- inform us of any changes to your contact details by updating them via the GXBank app to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

Summary of the fees and charges are as follow:

Fees and Charges	Frequency	Amount
Card issuance fee (physical card)	Upon card issuance	RM 12.00*
Annual fee (physical card)	Annual basis	RM 0.00
Card replacement fee (physical card)	Upon card issuance	RM 12.00*
Domestic cash withdrawal fee (via MEPS SAN)	Per transaction	RM 1.00** (waived for the first withdrawal of each calendar month)
Overseas cash withdrawal fee (via Mastercard)	Per transaction	RM 0.00
<i>Note: This refers to only the fee charged by GXBank. This excludes any third-party charges, such as ATM access fees charged by banks overseas.</i>		
Balance inquiry (via MEPS SAN and Mastercard)	Per transaction	RM 0.00
Foreign transaction fee	Per transaction	1.2%** administration fee on the amount transacted.

Currency conversion rate is determined by Mastercard.

* The fee will be deducted from your GX Account and **refunded** if you maintain an average balance of RM1,000 or more in your GX Account for 30 consecutive days from the date of card issuance / replacement.

** These fees are waived until 6 May 2026, or such other date as determined by GXBank from time to time upon giving you at least twenty-one (21) calendar days prior notice.

3. Know Your Risks

You will be liable for unauthorised transactions which require card PIN or signature verification or with contactless card, if you have:

- acted fraudulently;
- delayed in notifying us as soon as reasonably practicable after having discovered the loss or unauthorised use of your GX Card;
- voluntarily disclosed your card PIN to another person;
- allowed another person to use your GX Card;
- recorded your card PIN on your physical GX Card, or on anything kept in close proximity with your physical GX Card; or
- left your GX Card unattended in places visible and accessible to others.

If your GX Card is lost or stolen, your card details have been compromised, or an unauthorised transaction has been conducted using your GX Card, you should:

- notify us immediately; and
- freeze your GX Card or cancel your GX Card and apply for a new card via the GXBank app.

4. Other Key Terms

Pre-authorisation Amount

- When you use your GX Card at self-service pumps (automated fuel dispensers) at a petrol station, a pre-authorisation hold amount of RM200 will be placed on your Designated Account. GXBank will then post the exact transaction amount and release any remaining on-hold amount within seven (7) calendar days after the transaction date.
- When required by the Authorised Merchant for non-petrol purchases, a pre-authorisation hold amount determined by the merchant or GXBank will be placed on your Designated Account. GXBank will then post the exact transaction amount and release any remaining on-hold amount within thirty (30) calendar days upon settlement by the merchant.

Contactless Feature

- Contactless transactions without PIN verification are capped at RM250 per transaction and RM500 per day by default.
- You can adjust your daily contactless transaction limit via the GXBank app. Setting your daily contactless transaction limit to RM0 disables the contactless functionality of your GX Card.
- If your contactless transaction exceeds the contactless transaction limit(s), you will be required to enter your card PIN to authorise the transaction.

If you have any questions or require assistance on your GX Card, you can:



Call us at:

+603 7498 3188



Chat with us at:

Our in-app live chat



Visit us at:

<https://gxbank.my/debit-card>



Email us at:

ask@gxbank.my

If your query or complaint is not satisfactory to you, you may contact Bank Negara Malaysia (BNM) at:

BNMLINK

Tel: 1-300-88-5465

Webpage: <https://bnmlink.bnm.gov.my/>

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

GX Bank Berhad ("GXBank")

Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Penerangan Produk (PDS) ini menyediakan maklumat penting tentang Kad Debit GX ("Kad GX") anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati bahawa PDS ini berguna, anda disarankan untuk membacanya juga.



Setakat 30 Disember 2025

1. Apakah Kad GX?

Kad GX ialah instrumen pembayaran yang disambungkan kepada Akaun GX anda ("Akaun Ditetapkan") untuk pembelian di kedai fizikal dan dalam talian, dalam dan luar negara. Ia juga membolehkan anda mengeluarkan wang tunai daripada Mesin Tunai Automatik (ATM) tempatan dan luar negara. Anda mesti mempunyai wang yang mencukupi di dalam akaun utama Akaun Ditetapkan anda untuk melakukan sebarang transaksi melalui penggunaan Kad GX. Jika anda menutup Akaun GX anda, Kad GX anda akan dibatalkan secara automatik.

Apabila menggunakan Kad GX di peniaga runcit di Malaysia, peniaga boleh memilih untuk menerima dan memproses pembayaran yang dibuat menggunakan Kad GX melalui rangkaian MyDebit atau Mastercard. Sila ambil perhatian bahawa pilihan rangkaian adalah mengikut budi bicara peniaga dan anda tidak akan dapat meminta peniaga untuk menukarkan rangkaian pilihan mereka.

2. Ketahui Kewajipan Anda

Sebagai pemilik GX Kad, anda mesti:

- mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat GXBank yang Mentadbir Produk dan Perkhidmatan Perbankan Runcit.
- mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan keselamatan Kad GX, butiran Kad GX dan PIN kad anda pada setiap masa. Ini termasuklah:
 - tidak mendedahkan butiran Kad GX atau PIN kad anda kepada mana-mana individu lain;
 - tidak menyimpan PIN kad secara mudah dikenali dan diakses oleh mana-mana orang lain; dan
 - tidak membenarkan mana-mana individu lain untuk menggunakan Kad GX anda.
- memberitahu kami secepat mungkin yang munasabah apabila mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad GX.
- memaklumkan kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat peribadi anda dengan mengemaskininya melalui aplikasi GXBank untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Ringkasan yuran dan caj adalah seperti berikut:

Yuran dan Caj	Kekerapan	Jumlah
Yuran pengeluaran kad baharu (kad fizikal)	Selepas pengeluaran kad	RM 12.00*
Yuran tahunan (kad fizikal)	Setiap tahun	RM 0.00
Yuran penggantian kad (kad fizikal)	Selepas pengeluaran kad	RM 12.00*
Yuran pengeluaran wang tunai domestik (melalui MEPS SAN)	Setiap transaksi	RM 1.00** (dikecualikan untuk pengeluaran pertama setiap bulan kalendar)
Yuran pengeluaran wang tunai di luar negara (melalui Mastercard) <i>Nota: Ini merujuk kepada yuran yang dikenakan oleh GXBank sahaja. Ini tidak termasuk sebarang caj pihak ketiga, seperti yuran akses ATM yang dikenakan oleh bank di luar negara.</i>	Setiap transaksi	RM 0.00
Pertanyaan baki (melalui MEPS SAN dan Mastercard)	Setiap transaksi	RM 0.00
Yuran transaksi luar negara	Setiap transaksi	1.2%** yuran pentadbiran ke atas jumlah yang diurus niaga (transacted). Kadar penukaran mata wang ditentukan oleh Mastercard.

* Yuran akan ditolak daripada Akaun GX anda dan **dipulangkan** jika anda mengekalkan baki purata RM1,000 atau lebih dalam Akaun GX anda selama 30 hari berturut-turut dari tarikh pengeluaran Kad GX.

**Yuran ini dikecualikan sehingga 6 Mei 2026, atau tarikh lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberi anda notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu.

3. Ketahui Risiko Anda

Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan PIN kad atau pengesahan tandatangan atau menggunakan kad tanpa sentuhan, jika anda:

- melakukan penipuan;
- lewat dalam memberitahu kami secepat mungkin yang munasabah apabila mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad GX;
- secara sukarela mendedahkan PIN Kad GX anda kepada orang lain;
- membenarkan orang lain menggunakan Kad GX anda;
- merekodkan PIN kad anda pada Kad GX fizikal, atau apa-apa sahaja yang disimpan berdekatan dengan Kad GX fizikal anda; atau
- meninggalkan Kad GX anda tanpa pengawasan di tempat mudah dilihat diakses oleh orang lain.

Jika Kad GX anda hilang atau dicuri, butiran kad atau PIN kad anda telah terjejas, atau transaksi tanpa kebenaran telah dijalankan menggunakan Kad GX anda, anda harus

- memaklumkan kami dengan segera; dan
- membekukan Kad GX anda atau membatalkan Kad GX anda dan memohon kad baru melalui aplikasi GXBank.

4. Terma Utama Lain

Jumlah Pra-kebenaran

- Apabila anda menggunakan Kad GX anda di pam layan diri (dispenser petrol automatik) di stesen minyak, penahanan pra-kebenaran sebanyak RM200 akan dikenakan pada Akaun Ditetapkan anda. GXBank kemudiannya akan merekodkan jumlah transaksi sebenar dan melepaskan sebarang baki amaun yang ditahan daripada Akaun Ditetapkan anda dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas tarikh transaksi.
- Apabila dikehendaki oleh peniaga untuk pembelian bukan petrol, jumlah penahanan pra-kebenaran yang ditentukan oleh peniaga atau GXBank akan dikenakan pada Akaun Ditetapkan anda. GXBank kemudiannya akan merekodkan jumlah transaksi sebenar dan melepaskan sebarang baki amaun yang ditahan daripada Akaun Ditetapkan anda dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar selepas peniaga menyelesaikan transaksi.

Ciri Tanpa Sentuhan

- Transaksi tanpa sentuhan tanpa pengesahan PIN terhad kepada RM250 bagi setiap transaksi dan RM500 sehari secara lalai.
- Anda boleh melaraskan had transaksi tanpa sentuhan harian anda melalui aplikasi GXBank. Menetapkan had transaksi tanpa sentuhan harian anda kepada RM0 akan menyahaktifkan fungsi tanpa sentuhan Kad GX anda.
- Jika transaksi tanpa sentuhan anda melebihi had transaksi tanpa sentuhan, anda akan diminta untuk memasukkan PIN kad anda untuk mengesahkan transaksi tersebut.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Kad GX, anda boleh:



Hubungan kami di:

+603 7498 3188



Hubungan kami melalui:

Live chat dalam aplikasi GXBank



Layari kami di:

<https://gxbank.my/debit-card>



Emel kami di:

ask@gxbank.my

Sekiranya jawapan kami terhadap sebarang pertanyaan/aduan anda tidak memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

BNMLINK

Tel: 1-300-88-5465

Laman Web: <https://bnmlink.bnm.gov.my/>